

16 NOV 1997

Mahathir-makanan

PAMERKAN HARGA MAKANAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu peniaga mempamerkan harga makanan semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa (LIMA '97) di sini bulan depan.

Perdana Menteri berkata walaupun beliau berpuas hati dengan persiapan bagi pameran itu, "yang saya kawatir ialah tentang harga makanan".

Oleh itu, beliau telah meminta pihak yang bertanggungjawab supaya mendapatkan menu dan harga daripada semua kedai makanan bagi mempamerkan menu serta harga makanan yang disediakan itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai persiapan Lima '97 di sini, Dr Mahathir berkata peniaga mesti mempamer menu itu supaya pelanggan tidak tertipu dengan membayar harga yang tinggi.

Pada Lima '95, terdapat sungutan orang ramai mengenai harga makanan yang tinggi.

Mengenai tahap kebersihan, Dr Mahathir berkata arahan telah diberikan kepada pihak bertanggungjawab untuk memastikan barang makanan dan minuman dalam tin tidak dibenarkan dibawa masuk ke kawasan pameran.

Beliau berharap usaha ini dapat dijalankan dengan rapi bagi memastikan orang ramai tidak membawa masuk makanan ke kawasan lapangan terbang yang mempamerkan pesawat.

Lima '97 dari 2 hingga 7 Dis ini, dibahagina kepada dua segmen -- pameran udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat dan pameran maritim di Tanjung Malai di sini. -- BERNAMA

NH MAI